

D313

U B853 AAB
MAHATHIR - DASAR R R R

KUALA LUMPUR, 14 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA KERAJAAN AKAN MENERUSKAN DASARNYA YANG ADA SEKARANG.

+KERAJAAN TIDAK AKAN MENUKAR DASARNYA WALAUPUN DESAKAN DATANG DARIPADA BEBERAPA GOLONGAN YANG MENGGANGAP DIRI MEREKA SEBAGAI INTELEK,+ KATA PERDANAMENTERI.

BELIAU BERKATA BAHAWA GOLONGAN ITU JUGA MENDAKWA KONONNYA MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT TETAPI MEREKA KALAH DALAM PILIHAN RAYA UMUM YANG BARU LEPAS.

SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN HARI BELIA, MINGGU BELIA DAN BULAN BUDAYA DI STADIUM JALAN RAJA MUDA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN BERKENAAN BERKATA KERAJAAN HARUS MENUKARKAN DASARNYA SETELAH MEREKA MEMENANGI BEBERAPA KERUSI DALAM PILIHAN RAYA ITU.

+TETAPI YANG MENDAPAT KEMENANGAN IALAH BARISAN NASIONAL. SAYA YAKIN BARISAN NASIONAL MENDAPAT KEMENANGAN KERANA DASARNYA YANG PADA UMUMNYA DITERIMA OLEH RAKYAT,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1332MST 14 08 86

0327

B 8863 AAB
MAHATHIR - DASAR 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH ITU KERAJAAN AKAN MENERUKAN DASAR-DASARNYA DAN AKAN MENGENEPIKAN KRITIKAN YANG TIDAK MEMBINA DARIPADA GOLONGAN ITU YANG TIDAK PERNAH BERBUAT APA-APA UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA SELAIN DARIPADA MEMBUAT KERTAS KERJA DAN MEMBERI SYARAHAN.

+MEREKA MEMANG BIJAK DAN PANDAI BERCAKAP. TETAPI BURUNG TIONG JUGA PANDAI BERCAKAP,+ KATANYA, DISAMBUK DENGAN GELAK KETAWA OLEH BERIBU-RIBU BELIA DARIPADA 25 BUAH PERTUBUHAN DARI SELURUH NEGARA.

MENURUT PERDANA MENTERI, GOLONGAN ITU BUKAN SAHAJA SEKADAR MENKRITIK TETAPI JUGA MELEMPARKAN BERMACAM-MACAM TOHMAH DAN FITNAH DENGAN TUJUAN MENGHANCURKAN KEPERCAYAAN RAKYAT TERHADAP KEMPIMPINAN NEGARA DAN MEREKA BERHARAP +DENGAN ITU SEGALA RANCANGAN KITA AKAN GAGAL.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA SEBAHAGIAN DARIPADA SEBAB-SEBAB NEGARA MENGELAMI KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG IALAH KERANA GOLONGAN ITU MENIMBULKAN KECURIGAAN DI KALANGAN RAKYAT TERHADAP DASAR-DASAR KERAJAAN.

+SAYA PERCAYA, WALAUPUN SESUATU DASAR ITU TIDAK BEGITU BAIK, JIKA DILAKSANAKAN DENGAN PENUH SEMANGAT DAN KEPERCAYAAN, AKHIRNYA KITA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN.+ -- LAGI.

1359MST 14 08 86

U 8868 AAB
MAHATHIR - DASAR 3 KUALA LUMPUR R R R

+SEBALIKNYA, KALAU KITA MEMBENTUK SESUATU DASAR DAN MENDENGAR KRITIKAN SEHINGGA KITA TIDAK MENJALANKAN SEBARANG USAHAPUN, MAKA SUDAH TENTU KITA TIDAK AKAN MENCAPAI KEJAYAAN,+ KATANYA.

MENGENAI +DASAR PANDANG KE TIMUR+ KERAJAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APABILA KERAJAAN MENGANJURKAN DASAR ITU IA MENDAPAT KRITIKAN DARIPADA MEREKA YANG BERKEPERCAYAAN BAHAWA HANYA ORANG KULIT PUTIH SAHAJALAH YANG LEBIH BAIK DAN OLEH ITU MEREKA MESTI MENGABDIKAN DIRI MEREKA KEPADA ORANG KULIT PUTIH.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN PEMIKIRAN MEREKA ITU SEBAGAI +PEMIKIRAN ABDI+ YANG MASIH MENGGANGGAP BAHAWA ORANG PUTIH LEBIH BAIK DARIPADA MEREKA YANG BUKAN BERKULIT PUTIH.

OLEH SEBAB KRITIKAN MEREKA INI, YANG KONONNYA TERDIRI DARIPADA PARA INTELEK, +SELAMA TIGA TAHUN KITA TIDAK BERJAYA MEYAKINKAN RAKYAT UNTUK MENIRU CARA BEKERJA DAN DISIPLIN YANG TELAH MEMBAWA BEBERAPA BUAH NEGARA TIMUR MENCAPAI KEJAYAAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN DEMIKIAN, KERAJAAN MASIH YAKIN BAHAWA UNTUK MEMAJUKAN NEGARA +KITA MEMERLUKAN ETIKA KERJA YANG TERDAPAT DI TIMUR BUKAN YANG TERDAPAT DI BARAT.+ -- LAGI.

1420MST 14 08 86

MAHATHIR-DASAR 4 KUALA LUMPUR

+ KALAU KITA PERLU TIRU CARA TIMUR, INI BUKAN KERANA KITA INGIN MENGABDIKAN DIRI KITA KEPADA MEREKA TETAPI KERANA KITA TAHU BAHAWA CARA MEREKA AKAN LEBIH BERKEMUNGKINAN MEMBAWA KEJAYAAN, + KATANYA,

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMANG MENAKUI BAHAWA ORANG-ORANG DI BARAT MEMPUNYAI KEBUDAYAAN YANG MENGGALAKKAN MEREKA BERKERJA TETAPI IA SUDAH MEROSOT DIBANDINGKAN DENGAN YANG DI SEBELAH TIMUR.

+ MEREKA KINI BERGANTUNG KEPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN MEREKA SEPerti MENYEKAT KEMASUKAN BARANGAN KE NEGARA MEREKA, + KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA TINDAKAN SEDEMIKIAN DIAMBIL KERANA MEREKA TIDAK SANGGUP LAGI BEKERJA DAN TIDAK MEMPUNYAI DISIPLIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA DI BARAT KINI TELAH SAMPAI KEPADA TAHAP APABILA MEREKA BOLEH +BEREHAT+ WALAUPUN DENGAN BERBUAT DEMIKIAN AKAN MERUGIKAN MEREKA.

BAGAIMANAPUN, OLEH SEBAB KEJAYAAN MEREKA MASA LAMPAU, MEREKA DAPAT MEMPERTAHAN KEDUDUKAN MEREKA TETAPI BAGI MALAYSIA, SEBUAH NEGARA YANG BELUM MENCAPAI TAHAP NEGARA MAJU, RAKYATNYA TIDAK BOLEH MENIRU CARA SEDEMIKIAN RUPA. -- LAGI.

1510MST 14 08 86

MAHATHIR-DASAR 5 KUALA LUMPUR (AKHIR)

+ KITA PERLU BERUSAHA LEBIH KUAT DAN LEBIH BERDISIPLIN DARIPADA NEGARA YANG SUDAH MAJU UNTUK MENYAMAKAN DIRI KITA DENGAN MEREKA, + KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA PURATA PENDAPATAN NEGARA HANYALAH SATU PERLIMA DARIPADA NEGARA MAJU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYERU PARA BELIA SUPAYA MENERIMA HAKIKAT BAHAWA NEGARA INI BELUM LAGI MENCAPAI TAHAP NEGARA MAJU SERTA KEADAAN MASYARAKAT MAJMUKNYA.

INI PENTING DALAM USAHA HENDAK MENINGKATKAN PEMBANGUNAN NEGARA SERTA MEMUPUK KERJASAMA DAN MENGENEPIKAN PERASAAN PERKAUMAN DI KALANGAN BELIA YANG MERUPAKAN HARAPAN BANGSA.

+ ALHAMDULLILLAH, SEHINGGA KINI KITA TELAH DAPAT MEMBENDUNG PERASAAN PERKAUMAN SUPAYA TIDAK MELUAP, + KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA PADA PILIHAN RAYA YANG LEPAS BANYAK PIHAK TELAH MENIUPKAN PERASAAN PERKAUMAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI MEREKA.

TETAPI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKHIRNYA GOLONGAN YANG MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN KAUM, YANG SEDERHANA DAN YANG SANGGUP BEKERJA UNTUK RAKYAT BERJAYA MENGUASAI KUASA DALAM NEGARA INI. -- BERNAMA.

1513MST 14 08 86